

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS APRESIASI KOPERASI ANGKASA
TERENGGANU 2026**

**19 OGOS 2026 (RABU)
9.30 PAGI
THE GRAND PUTERI HOTEL, KUALA
TERENGGANU, TERENGGANU**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI,
dan Salam Koperasi.

(Salutasi Penganjur)

**Hadirin dan hadirat yang saya hormati
sekalian,**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Apresiasi Koperasi ANGKASA Terengganu 2026 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ANGKASA Negeri Terengganu serta seluruh jawatankuasa penganjur atas usaha menganjurkan majlis yang menjadi wadah untuk kita menghargai pencapaian, dedikasi dan sumbangan koperasi di negeri ini.
3. Majlis seperti ini merupakan ruang untuk kita melihat semula pencapaian yang telah dicapai, mengiktiraf usaha koperasi dan pada masa yang sama

memperkuat tekad untuk membawa gerakan koperasi ke tahap yang lebih tinggi.

4. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh kepimpinan koperasi, anggota Lembaga, pengurusan serta warga kerja koperasi yang hadir pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan kesungguhan untuk terus bersama-sama membangunkan gerakan koperasi di negeri Terengganu.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

5. Tema majlis pada tahun ini, **“Integriti dan Permuafakatan Memacu Kecemerlangan Koperasi”**, membawa makna yang cukup besar dalam konteks pembangunan koperasi hari ini.

6. Kecemerlangan sesebuah koperasi tidak hanya bergantung kepada kekuatan modal, jumlah anggota atau nilai perniagaan. Lebih penting ialah bagaimana sesebuah koperasi ditadbir, bagaimana keputusan dibuat dan sejauh mana amanah yang diberikan oleh anggota dilaksanakan dengan penuh integriti.
7. Integriti perlu menjadi asas kepada setiap keputusan dan tindakan. Lembaga perlu melaksanakan amanah dengan jujur dan bertanggungjawab, pengurusan perlu bekerja secara profesional, manakala anggota pula perlu memainkan peranan secara aktif dalam memastikan koperasi terus berada pada landasan yang betul.
8. Pada masa yang sama kita tidak boleh mengetepikan kekuatan **permufakatan**. Koperasi diwujudkan atas prinsip bekerjasama dan

kepentingan bersama. Justeru apabila Lembaga, pengurusan dan anggota bergerak dalam satu arah, dengan matlamat yang sama kekuatan koperasi pastinya akan menjadi lebih utuh.

9. Saya percaya, **integriti membina kepercayaan, manakala permuafakatan membina kekuatan.** Apabila kedua-duanya digabungkan ia akan menjadi asas kepada pembentukan koperasi yang berdaya maju.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Saya amat berbangga melihat prestasi koperasi di negeri Terengganu yang terus menunjukkan pencapaian yang membanggakan di peringkat nasional.
11. Bagi **Top 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2025**, sebanyak **5 buah koperasi dari Negeri Terengganu** telah berjaya

disenaraikan. Ini merupakan satu pencapaian yang wajar kita banggakan dan membuktikan bahawa koperasi di Terengganu mempunyai kemampuan untuk bersaing dengan koperasi terbaik di seluruh negara.

12. Lebih membanggakan, sebanyak **38 buah koperasi Terengganu turut tersenarai dalam Top 350 Koperasi Terbaik Malaysia 2025.**
13. Pencapaian ini bukan berlaku secara kebetulan. Di sebaliknya terdapat usaha yang berterusan daripada barisan kepimpinan, pengurusan dan anggota koperasi yang bekerja bersama-sama membangunkan perniagaan serta memperkukuh tadbir urus organisasi.
14. Dalam masa yang sama, saya berharap koperasi yang belum mencapai kedudukan tersebut tidak melihatnya sebagai satu kekurangan.

Sebaliknya, jadikan pencapaian koperasi yang berjaya sebagai penanda aras untuk kita belajar, memperbaiki kelemahan dan merangka strategi baharu.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

15. Sehingga kini ANGKASA Negeri Terengganu mempunyai sebanyak **746 buah koperasi anggota**, iaitu mewakili **85 peratus daripada keseluruhan koperasi di negeri Terengganu**.

16. Angka ini menunjukkan tahap penerimaan dan keyakinan koperasi di Terengganu terhadap ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi negara. Namun begitu angka tersebut juga membawa satu tanggungjawab yang besar kepada ANGKASA untuk memastikan keanggotaan ini diterjemahkan

kepada manfaat yang lebih bermakna kepada koperasi.

17. Kita tidak mahu ANGKASA hanya menjadi sebuah organisasi yang menghubungkan koperasi, tetapi ANGKASA perlu menjadi **rakan strategik** yang membantu koperasi membuka peluang perniagaan, memperluas pasaran, meningkatkan kapasiti dan membina jaringan yang lebih kukuh.

18. Sebab itu, saya melihat peranan ANGKASA Negeri Terengganu bukan sekadar menyampaikan program atau aktiviti, tetapi perlu menjadi penghubung yang menyatukan kekuatan koperasi di negeri ini.

19. Bayangkan sekiranya ratusan koperasi di Terengganu dapat menggabungkan kepakaran, produk, rangkaian pasaran dan sumber yang dimiliki. Kita bukan sahaja mempunyai koperasi yang kuat secara individu,

tetapi mampu membentuk satu **ekosistem ekonomi koperasi yang lebih besar dan berdaya saing.**

20. Koperasi tidak seharusnya bergerak secara bersendirian. Koperasi yang mempunyai produk perlu bekerjasama dengan koperasi yang mempunyai pasaran. Koperasi yang mempunyai kepakaran perlu membantu koperasi yang memerlukan kepakaran. Koperasi yang lebih kukuh pula perlu menjadi pemangkin kepada koperasi yang sedang berkembang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

21. Dalam menghadapi landskap ekonomi yang semakin mencabar, koperasi juga perlu berani berubah. Kita perlu melihat peluang baharu dalam sektor digital, agromakanan, pelancongan, perkhidmatan, pendidikan, teknologi serta bidang-bidang ekonomi yang mempunyai potensi untuk berkembang.

22. Koperasi juga perlu memberi perhatian kepada generasi muda. Mereka bukan sekadar pewaris koperasi tetapi merupakan sebahagian daripada tenaga penggerak yang akan menentukan masa depan gerakan ini.
23. Kita mahu melihat koperasi yang lebih terbuka kepada idea baharu, lebih cekap menggunakan teknologi dan lebih pantas membaca perubahan pasaran. Namun dalam kita mengejar pertumbuhan, aspek integriti dan tadbir urus tidak boleh sesekali dikompromikan.
24. Justeru, saya menyeru seluruh kepimpinan koperasi di Negeri Terengganu agar terus memperkukuh kerjasama sesama koperasi, meningkatkan profesionalisme pengurusan dan memastikan setiap

amanah yang diberikan oleh anggota dilaksanakan dengan penuh integriti.

Hadirin hadirat yang saya hormati,

25. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua koperasi yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Jadikan kejayaan hari ini sebagai pembakar semangat untuk kita melangkah lebih jauh.

26. Marilah kita bersama-sama memastikan gerakan koperasi bukan sahaja terus relevan, tetapi menjadi semakin kukuh, diyakini dan mampu memberikan manfaat yang lebih besar kepada anggota, masyarakat dan negara.

27. Dengan lafaz mulia, Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan MAJLIS

APRESIASI KOPERASI ANGKASA
TERENGGANU 2026.

Wabillahitaufig wal hidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.